

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 NOVEMBER 2023

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 24

Impak rancangan Thailand pintas Selat Melaka dikaji

Impak rancangan Thailand pintas Selat Melaka dikaji

Kita tunggu laporan itu, tengok data dan sebagainya. Itu akan memudahkan kerajaan membuat keputusan atau



dasar atau bagaimana untuk kita tangani jika ia berlaku

Rafizi Ramli,
Menteri Ekonomi

Kajian terhadap impak cadangan Thailand untuk membangunkan projek berbilion-bilion dolar bagi mengurangkan masa perkapalan antara Lautan Hindi dan Pasifik dengan memintas Selat Melaka sedang dijalankan oleh Kementerian Ekonomi.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata kajian itu sudah dijalankan sejak beliau mula menterajui kementerian itu lagi.

Beliau berkata, langkah terbaik untuk dilakukan adalah mendapatkan data dan melihat bagaimana cadangan itu memberi kesan kepada ekonomi negara.

Katanya, sebarang keputusan

hanya diputuskan selepas melihat hasil kajian itu.

"Kita tunggu laporan itu, tengok data dan sebagainya. Itu akan memudahkan kerajaan membuat keputusan atau dasar atau bagaimana untuk kita menangani jika ia berlaku," katanya pada sidang media sempena Persidangan CCUS Malaysia 2023 yang pertama kali dianjurkan Kementerian Ekonomi di Putrajaya, semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan perniagaan perkapalan pelabuhan di Malaysia berisiko mengalami gangguan jika rancangan untuk memintas Selat Melaka ke

Amerika Syarikat (AS) menjadi kenyataan.

Thailand mengemukakan cadangan projek berbilion dolar bagi mengurangkan masa perkapalan antara Lautan Hindi dan Pasifik dengan mengelak Selat Melaka, sebuah lautan laut utama yang sibuk.

Perdana Menteri Thailand, Srettha Thavisin memberitahu pelabur di San Francisco bahawa masa perjalanan kira-kira empat hari dan mengurangkan perbelanjaan perkapalan sebanyak 15 peratus.

Beliau berkata, dengan volum trafik diunjurkan melebihi ka-

pasiti Selat Melaka menjelang 2030, projek baharu itu akan memastikan aliran barangan yang lancar.

Projek Landbridge atau jambatan darat itu dianggarkan menelan kos kira-kira 1 trilion baht (AS\$28 bilion).

Itu membabitkan pembinaan pelabuhan laut di kedua-dua bahagian semenanjung selatan Thailand, dihubungkan dengan rangkaian lebuh raya dan kereta api yang komprehensif.

Laluan sepanjang 100 kilometer itu akan berfungsi sebagai alternatif kepada cadangan untuk membina terusan melalui Segenting Kra.